

26 JUN 2003

DANAHARTA-LEMBAGA/I

ABDUL HAMIDY GANTI RICHARD HO DI DANAHARTA

KUALA LUMPUR, 26 Jun (Bernama) -- Datuk Abdul Hamidy Hafiz telah dilantik sebagai pengarah bukan eksekutif Pengurusan Danaharta Nasional Bhd.

Menurut satu kenyataan daripada syarikat pengurusan harta nasional itu hari ini, pelantikan tersebut dibuat oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang juga Menteri Kewangan.

Pelantikan Abdul Hamidy berkuatkuasa pada 1 Julai, 2003 sehingga 31 Dis, 2005 atau sehingga penutupan Danaharta.

Beliau akan menggantikan Datuk Richard Ho Ung Hun, yang bersara daripada Lembaga Danaharta pada 1 Julai.

Kenyataan itu juga menyatakan Dr Mahathir telah menyambung tempoh perkhidmatan anggota lembaga bukan eksekutif Datuk N. Sadasivan, yang mewakili sektor swasta Malaysia dan Alister Maitland, yang mewakili komuniti perniagaan antarabangsa bagi tempoh yang sama. -- BERNAMA

FAY TJK ZK